



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

DOKUMEN SEBUTHARGA

UNTUK

**PROJEK :
KERJA-KERJAPEMBERSIHAN
PASAR AWAM BUKIT MERTA JAM
SEBERANG PERAI TENGAH
PAKEJ 5**

NO. SEBUTHARGA : S1211002

**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA
14000 BUKIT MERTA JAM, PULAU PINANG
TEL :04-5497555**

**JABATAN PELESENAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA
14000 BUKIT MERTAJAM**

Ruj. Kami : MPSP/ 30/6-1/5 Bah. 28

Tarikh : 10 JUN 2011

KENYATAAN SEBUTHARGA


Tawaran Sebutharga ini adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan menyertai sebutharga seperti berikut :

No. Sebutharga	Butir-Butir Sebutharga	Harga Dokumen Sebutharga	Syarat Pendaftaran	Tarikh Dijual	Tarikh Sebutharga Ditutup
S1211002	Kerja-kerja perkhidmatan pembersihan Pasar Awam Bukit Mertajam (Pakej 5)	RM10.00 atas nama Pejabat Kewangan Negeri (tidak akan dikembalikan)	Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 220400 atau 220401 atau 220402	Tarikh Jual : 20 Jun 2011 Taklimat Wajib : Tarikh : 17 Jun 2011 Jam : 3:30 petang Tempat: Auditorium MPSP Bandar Perda	4 JUL 2011

Kontraktor-Kontraktor hendaklah berdaftar dengan Sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui laman web ep.penang.gov.my dan telah disahkan sijil pendaftaran melalui mana-mana agensi adalah layak menyertai sebutharga ini. Dokumen Sebutharga adalah dijual secara on-line melalui laman web tersebut.

Sebutharga akan ditutup pada tarikh seperti di atas. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul No. Sebutharga dan jenis kerja yang berkaitan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebutharga di Kaunter Berpusat, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam sebelum jam 12.00 tengahari.

Pihak MPSP tidak terikat untuk menerima tawaran sebutharga yang terendah atau sebarang tawaran.


MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
Pengarah Pelesenan,
Majlis Perbandaran Seberang Perai.

MUSTAHAK

**SENARAI DOKUMEN WAJIB YANG PERLU DIKEMUKAKAN BAGI
TUJUAN PENILAIAN SEBUTHARGA**

(BORANG INI HENDAKLAH DIISI DAN DIKEMUKAKAN OLEH PETENDER BERSAMA DENGAN DOKUMEN SEBUTHARGA)

SEBUTHARGA

BIL	DOKUMEN YANG WAJIB DIKEMUKAKAN OLEH PETENDER	PETENDER		SEMAKAN DAN PENGESEHAN JAWATANKUASA PEMBUKA TENDER		CATITAN (UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA)
		ADA (√)	TIADA (X)	ADA (√)	TIADA (X)	
1.	DOKUMEN SEBUTHARGA DIKEMBALIKAN					
	- SENARAI KUANTITI (BQ)/KADAR HARGA/RINGKASAN TENDER/LENGKAP TELAH DIISI DAN PENGIRAAN ADALAH BETUL					
2.	PENYATA AKAUN BANK BAGI 3 BULAN TERAKHIR Nyatakan Bulan 1 <i>APRIL</i> 2 <i>MEI</i> 3 <i>JUN</i>					
3.	PROFIL SYARIKAT (yang mengandungi maklumat siji-sijil pendaftaran yang berkaitan, pengalaman, peralatan, loji dan sebagainya)					
4.	MEMPUNYAI PENGALAMAN ATAU PENDIDIKAN DALAM ISO 14001 DAN OHSAS 18001 (Sila sertakan bukti/sijil atau maklumat berkaitan)					
5.	JUMLAH MUKA SURAT (Termasuk Dokumen Sebutharga, profil dan apa- apa lampiran tambahan yang disertakan)					

Kontraktor :

(Syarikat)

(Tandatangan)

Nama :

Jawatan :

Cop/Meteri Syarikat

Jawatankuasa Pembuka Tender

1.

(Tandatangan)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

2.

(Tandatangan)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Nota :

Sekiranya petender gagal mengisi borang ini, semakan dan Pengesahan Jawatankuasa Pembuka Tender dikira sah untuk pertimbangan.

MAKLUMAN KEPADA SEMUA PETENDER / KONTRAKTOR / PEMBEKAL BERKAITAN PELAKSANAAN ISO 14001 & OHSAS 18001

Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang melaksanakan ISO 14001 (Environmental Management System) dan OHSAS 18001 (Occupational Health & Safety Management System). Selaras dengan pelaksanaan tersebut pretender/Kontraktor/pembekal yang ingin memasuki tawaran/sebutharga Majlis perlu kompetan pada kedua-dua bidang tersebut.

Kriteria kelayakan memasuki tawaran/sebutharga akan ditentukan seperti berikut:-

- a) **Pengalaman**
Petender/Kontraktor/pembekal pernah melaksanakan kontrak/kerja dengan syarikat yang beriktirafan ISO 14001 dan OHSAS 18001 dalam bidang atau jenis kontrak yang sama seperti ditawarkan oleh MPSP. Bukti dokumen berkaitan perlu disertakan; **atau**
- b) **Pendidikan**
Petender/Kontraktor/pembekal pernah menghadiri kursus berkaitan ISO 14001 dan OHSAS 18001 dengan mengemukakan salinan penyertaan; **atau**
- c) **Kursus**
Petender/Kontraktor/pembekal telah menghadiri kursus 'Keperluan Pengurusan Alam Sekitar' serta 'Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan' yang dianjurkan oleh MPSP.

Kursus di perenggan (c) di atas adalah **DISYARATKAN** bagi petender/Kontraktor/pembekal yang tidak mempunyai kelayakan seperti di perenggan (a) atau (b). Salinan sijil Kursus dengan Jayanya akan dikeluarkan dan perlu disertakan semasa memasuki tawaran/sebutharga. Tarikh, tempat dan masa kursus akan ditentukan. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Bahagian Latihan/Kursus di talian 04-5497 453.

Kursus yang dianjurkan oleh Majlis adalah dikenakan bayaran sebanyak RM50.00. Sijil yang dikeluarkan adalah sah untuk tempoh tiga (3) tahun sahaja. Petender/Kontraktor/pembekal boleh menggunakannya untuk memasuki mana-mana tawaran/sebutharga di Majlis Perbandaran Seberang Perai.

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PASAR AWAM BUKIT MERTAJAM (PAKEJ 5)

NO. SEBUTHARGA : S1211002

Saya (Nama Wakil Syarikat) No. K.P. yang mewakili (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan *tender/sebutharga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/ sebutharga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar

.....
(Tandatangan)

Nama :
No. K.P :
Cop Syarikat :

Catatan : *potong mana yang tidak berkaitan.

PENGUMUMAN PELAKSANAAN **SISTEM PENGKALAN DATA TENDER/SEBUTHARGA**

Adalah dimaklumkan mulai 1 Ogos 2010, semua tender/sebutharga baru pihak Kontraktor /pembekal adalah dikehendaki menginput sendiri maklumat-maklumat seperti pendaftaran syarikat, pengalaman kerja, kerja semasa, loji dan kakitangan syarikat melalui **Sistem Pengkalan Data Tender / Sebutharga**.

Pihak Kontraktor/pembekal hanya mengemukakan dokumen tender atau borang sebutharga bersama penyata bank 3 bulan terkini dan/atau Laporan Institusi Kewangan (Borang C dan/atau CA) atau Kunci Kira-Kira Kaunter Berpusat. Sila layari laman web MPSP di www.mpsp.gov.my untuk pendaftaran kod bagi pembekal baru dan pengesahan pendaftaran perlu dikemukakan ke Jabatan Perbendaharaan, MPSP.

Bagi Kontraktor/pembekal yang telah mempunyai kod pembekal sila kemaskini maklumat syarikat di laman web tersebut. Sebarang pertanyaan boleh hubungi di talian 04-5497555/450/452/445.

Sila ambil perhatian maklumat yang diinput hendaklah benar dan jika didapati terdapat penipuan data/palsu secara automatiknya MPSP berhak membatalkan tender/sebutharga yang telah dimasuki.

KONTRAK PEMBERSIHAN PASAR AWAM (MPSP)

KANDUNGAN :-

LAMPIRAN A : Skop Kerja dan Syarat Perkhidmatan

LAMPIRAN B : Syarat Am Kontrak Pembersihan

LAMPIRAN C : Penalti

LAMPIRAN D : Borang Sebutharga

LAMPIRAN E : Harga

**LAMPIRAN F : Maklumat Tambahan Penender
(Telah Dilaksanakan)**

**LAMPIRAN G: Maklumat Tambahan Penender
(Sedang Dilaksanakan)**

LAMPIRAN H : Peralatan Kerja dan Mesin

SKOP KERJA DAN SYARAT PERKHIDMATAN

1. TEMPOH KONTRAK

Kontrak ini adalah untuk menjalankan kerja pembersihan am di Pasar Awam MPSP untuk tempoh **dua (2) tahun** .

2 KAWASAN KERJA

Keseluruhan kawasan Pasar Awam Bukit Mertajam.

3. SKOP KERJA DAN KEKERAPAN

Kerja-kerja yang hendak dijalankan di bawah kontrak ini adalah seperti berikut :-

Kerja-kerja mencuci pasar adalah dibahagikan kepada:-

- i. Harian
- ii. Mingguan
- iii. Bulanan

3.1 KERJA HARIAN

- i. Menyapu
 - Lantai kering dalam pasar
 - Perkarangan pasar dan tempat letak kereta
- ii. Mencuci lantai dengan menggunakan air dan detergent.
 - Lantai basah dalam pasar
 - Hadapan gerai makanan
 - Lantai depo sampah
- iii. Pembersihan parit dan longkang dalam dan luaran sehingga ke tempat limpah keluar (outfall).
 - Membuang sampah, pasir, batu atau apa-apa yang tersekat di dalam parit/longkang.
- iv. Pemungutan dan pemusnahan sampah
 - Memungut dan membuang sampah-sarap yang terdapat di laluan awam dan kawasan pasar.

- Sampah-sarap mestilah dikutip dari bekas sampah yang dikumpul peniaga dan dimasukkan ke dalam tong sampah yang disediakan oleh Majlis.
- Memasukkan sampah tercicir luar tong CU/RO-RO ke dalam tong.
- v. Mencuci tandas dan basin basuh tangan
 - Mencuci lantai, mangkuk tandas dan basin basuh tangan dengan menggunakan air dan detergent pada jam **8.00 pagi dan 10.00 pagi**.
 - Mencuci keseluruhan tandas dengan menggunakan pam bertekanan tinggi 'High Pressure Pump' pada jam **2.00 petang**.
 - Kerja-kerja mencuci dan membasuh dinding tandas dengan menggunakan air dan ubat pencuci setiap hari. Kerja mencuci termasuk sticker along, tulisan-tulisan di dinding dan pintu tandas.
 - Menyembur/memasang pewangi di dalam tandas.
- vi. Semua pasar hendaklah dibersihkan secara keseluruhan selepas selesai operasi pasar.
 - Mencuci keseluruhan pasar dengan menggunakan air dan pam bertekanan tinggi 'High Pressure Pump' sekurang-kurangnya seminggu sekali.

3.2 KERJA MINGGUAN

- i. Menyelenggara lanskap yang sediaada di sekitar kawasan gerai / kompleks makanan.
- ii. Memotong rumput dengan rapat di tepi-tepi parit, pagar, kerb, jalan, tempat pejalan kaki, tiang dan sisa rumput tersebut hendaklah dibersihkan pada hari yang sama.
- iii. Ranting, dahan yang dipotong, daun kering serta lain-lain pembuangan hendaklah dibuang ke tempat pembuangan sampah. Pembakaran sampah di tapak adalah dilarang.
- iv. Menjalankan tugas-tugas penyelenggaraan 'grease trap'.
 - Sisa-sisa minyak dan 'grease' hendaklah dimasukkan ke dalam plastik hitam dan dibuang ke dalam tong sampah Majlis.
 - Kontraktor hendaklah memastikan laluan paip ke 'grease trap' tidak tersumbat.

3.3 **KERJA BULANAN**

- i. Membuang sawang pada dinding/siling.
 - Kontraktor hendaklah memastikan tiada sawang yang melekat di siling/dinding bangunan pasar.
- ii. Mencuci kaca tingkap, lampu-lampu siling dan kipas angin.
 - Pencucian kaca tingkap dan kipas hendaklah dilap dengan air dan detergent.
- iii. Penyelenggaraan saluran air hujan (gutter)
 - Sampah-sarap, pasir dan lain-lain di dalam saluran air hujan (gutter) hendaklah dicuci.

4. **SAMPAH TIDAK TERJATUH ATAU TERCICIR**

- 4.1 Kontraktor mestilah memastikan tidak ada apa-apa sampah atau bahan yang diangkut ke depo sampah tercicir, bocor, tumpah, tiris dan sebagainya.

5. **PEMBAYARAN**

- 5.1 Pembayaran kepada Kontraktor akan dibuat secara bulanan selepas didapati kerja-kerja yang dijalankan adalah sempurna dan mengikut syarat-syarat kontrak.
- 5.2 Sekiranya Kontraktor gagal menghantar laporan pada atau sebelum 3 haribulan dan tidak mematuhi apa-apa syarat MPSP, pembayaran tidak akan dibuat mengikut masa yang ditetapkan.

6. **PERWAKILAN KONTRAKTOR**

- 6.1 Bagi maksud kesempurnaan dan kelicinan perjalanan kontrak ini, Kontraktor hendaklah melantik seorang penyelia yang bertanggungjawab dan apa-apa arahan yang diberi kepadanya oleh Majlis hendaklah dianggap sebagai telah diberi kepada Kontraktor.

7. **PEKERJA DAN PERALATAN KERJA**

- 7.1 Kontraktor hendaklah mengadakan pekerja-pekerja berpakaian seragam bagi kerja-kerja yang akan dijalankan.
- 7.2 Kontraktor hendaklah menggunakan peralatan-peralatan yang sesuai dan mencukupi bagi kerja-kerja yang akan dijalankan dengan perbelanjaan sendiri.

- 7.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan nama, nombor kad pengenalan, alamat dan gambar setiap pekerja dan penyelia kepada Majlis.
- 7.4 Bilangan pekerja yang dinyatakan dalam sebutharga ini hendaklah bilangan sebenar yang akan diadakan bagi melaksanakan semua kerja di bawah kontrak ini.
- 7.5 Majlis mempunyai budibicara untuk meminta Kontraktor menambah bilangan pekerja jika didapati bilangan yang disediakan tidak mencukupi dari masa ke semasa.
- 7.6 Majlis pada bila-bila masa mempunyai budibicara meminta mana-mana pekerja Kontraktor diberhentikan kerja sekiranya prestasi pekerja itu tidak memuaskan dan didapati tidak sesuai bekerja dengan Kontraktor atau merosakkan imej Majlis. Pekerja-pekerja yang dilantik oleh Kontraktor hendaklah memenuhi syarat-syarat Undang-Undang Buruh Malaysia yang berkuatkuasa daripada masa ke semasa.

8. TEMPOH

Tempoh sah laku sebutharga ini hendaklah 90 hari mulai tarikh tutup sebutharga.

9. LAWATAN DAN PEMERIKSAAN KE KAWASAN KERJA

- 9.1 Kontraktor hendaklah melawat serta memeriksa kawasan-kawasan penyelenggaraan dan berpuashati terhadap keadaan semulajadi tapak dan jenis pekerjaan dalam kontrak ini. Sebarang tuntutan bayaran tambahan daripada jumlah yang telah dipersetujui tidak akan dilayan sekiranya kontrak ini tersalah anggar atau tersalah kira oleh pihak Kontraktor.

10. GANGGUAN

- 10.1 Kontraktor hendaklah memastikan tidak ada sebarang halangan atau gangguan kepada orang awam semasa menjalankan kerja-kerja pembersihan tersebut.

11. PEMBAYARAN

- 11.1 Pembayaran kepada Kontraktor hendaklah dibuat tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat.

- 11.2 Kadar Potongan Bayaran

Kerja-kerja yang tidak dijalankan seperti yang dijadualkan atau diarahkan mengakibatkan semua bayaran bagi kawasan tersebut untuk bulan berkenaan akan dipotong berdasarkan kadar bayaran dalam **BORANG SEBUTHARGA (LAMPIRAN D)** dan **PECAHAN KADAR HARGA (LAMPIRAN E)** yang berkaitan mengikut bilangan tempat yang mana kerja tidak dijalankan mengikut syarat-syarat **PENALTI (LAMPIRAN C)**.

12. PENAMATAN KONTRAK

Kontrak ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan memberi **1 (SATU) BULAN NOTIS SECARA BERTULIS.**

13. PENYERAHAN NOTIS KEPADA KONTRAKTOR

13.1 Apa-apa notis yang hendak diberi kepada Kontraktor di bawah kontrak ini hendaklah diserahkan dengan cara menghantarkannya melalui pos berdaftar kepada tempat perniagaan berdaftar. Kontraktor atau lain-lain alamat sebagainya yang dinyatakan oleh Kontraktor dari masa ke semasa. **PENUKARAN ALAMAT OLEH KONTRAKTOR HENDAKLAH DIBERITAHU SECARA BERTULIS KEPADA MAJLIS DALAM TEMPOH EMPAT BELAS (14) HARI DARIPADA TARIKH PENUKARAN.**

14. PECAH KONTRAK

14.1 Dalam keadaan di mana Kontraktor gagal menjalankan kerja mengikut kepuasan Majlis, Majlis berhak melakukan kerja-kerja itu sendiri atau melantik mana-mana Kontraktor yang difikirkan perlu dan segala kos yang terlibat, hendaklah ditanggung oleh Kontraktor dan bolehlah dipotong dari mana-mana jumlah bayaran yang kena dibayar kepada Kontraktor.

15. SUB-KONTRAK

15.1 Kontraktor **TIDAK BOLEH** pada bila-bila masa memajakkan (Sub-Kontrak) atau melepaskan kesemua atau sebahagian dari kontrak ini kepada orang lain tanpa kebenaran bertulis dari Majlis.

16. PAMPASAN PEKERJA

16.1 Kontraktor hendaklah dalam masa tujuh (7) hari daripada tarikh pemberitahuan bahawa sebutharganya telah diterima atau dalam mana-mana tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang dibenarkan secara bertulis oleh Yang Dipertua dan sebelum dokumen-dokumen kontrak ditandatangani akan mengambil dengan mana-mana syarikat insuran yang diluluskan oleh Yang Dipertua, satu polisi insuran yang sah dan memuaskan hati Yang Dipertua mengimbuhkan (indemnity) terhadap tanggungan bagi semua dan mana-mana tuntutan-tuntutan untuk gantirugi, pampasan, denda atau hukuman yang boleh kena bayar oleh Majlis di bawah Ordinan Pampasan Pekerja 1952 atau mana-mana pindaan atau enakmen semula atau mana-mana statut berkenaan dengan pampasan pekerja atau kemalangan (dan jika dikehendaki termasuk juga liputan tanggungan Common Law atau di bawah Ordinan Undang-Undang Sivil Bab 42 dan tuntutan pihak ketiga) yang timbul daripada atau berkaitan dengan kerja-kerja kontrak ini dan hendaklah dalam masa tersebut mengemukakan untuk diperiksa dan disahkan dan jika dikehendaki, meninggalkan polisi dan resit bayaran dengan Yang Dipertua untuk dipegang oleh Yang Dipertua. Jika Kontraktor gagal berbuat demikian,

Majlis boleh menganggap kontrak ini sebagai tamat dan Yang Dipertua boleh menerima lain-lain sebutharga atau memanggil sebutharga yang baru atau mengambil mana-mana Kontraktor yang lain atau mana-mana pekerja lain untuk menjalankan kerja dan boleh mendapat daripada Kontraktor itu semua perbelanjaan atas kerugian atau harga kerosakan termasuk yang mana-mana kelebihan dalam harga kontrak yang baru atau kadar yang disebutharga oleh Kontraktor.

16.2 Perlindungan insuran-insuran yang hendaklah diperolehi oleh Kontraktor adalah seperti berikut :-

- a) Insuran Pampasan Pekerja (Workmen's Compensation) – MINIMA 25% daripada Harga Kontrak (tahunan)
- b) Insuran Pampasan Awam - RM100,000 untuk tuntutan tidak terhad (tahunan).

16.3 Polisi-polisi insuran tersebut mesti memberi perlindungan bagi sepenuh masa tempoh kontrak ini.

17. IMBUHAN (INDEMNITY)

17.1 Kontraktor hendaklah sentiasa mengimbuh Majlis terhadap semua tuntutan untuk gantirugi pampasan atau lain-lain hukuman yang timbul daripada atau mengenai kerja-kerja yang dijalankan di bawah kontrak ini pada masa menandatangani kontrak ini. Tatkala menandatangani kontrak ini Kontraktor hendaklah mengambil satu polisi insuran yang sah dengan sebuah syarikat insuran yang diluluskan oleh Yang Dipertua terhadap apa-apa tanggungan untuk tempoh kontrak ini.

18. PERTARUHAN JAMINAN (SECURITY DEPOSIT)

18.1 Sebagai satu jaminan supaya kontrak ini dijalankan dengan sempurna, Kontraktor hendaklah meletakkan wang pertaruhan **DUA SETENGAH PERATUS (2.5%) DARIPADA JUMLAH HARGA KONTRAK JIKA JUMLAHNYA KURANG DARIPADA RM500,000.00 (LIMA RATUS RIBU RINGGIT) UNTUK SETAHUN ATAU SEBANYAK LIMA PERATUS (5%) DARIPADA JUMLAH HARGA KONTRAK SETAHUN JIKA IA LEBIH DARIPADA JUMLAH DI ATAS** dengan Majlis sebelum atau pada masa

menandatangani kontrak ini, dan jumlah ini hendaklah dikembalikan kepada Kontraktor sekurang-kurangnya 6 bulan selepas kerja-kerja yang memuaskan di bawah kontrak ini dijalankan. Tiada sebarang faedah akan dibayar oleh Majlis ke atas wang pertaruhan tersebut.

18.2 Sekiranya Kontraktor (kecuali dilepaskan oleh mana-mana peruntukan perjanjian ini atau oleh keputusan Badan Pengadilan yang mempunyai bidang kuasa) dalam mana-mana keadaan gagal untuk melaksanakan kontrak ini atau tidak menjalankan mana-mana tanggungjawabnya seperti yang disebutkan dalam perjanjian ini, Yang Dipertua hendaklah berhak merampas wang jaminan sebahagian atau sepenuhnya.

19. PENAMBAHAN ATAU PENGURANGAN KERJA

19.1 Dalam hal semasa tempoh kontrak ini terdapat penambahan atau pengurangan kerja-kerja daripada yang ditetapkan, Kontraktor hendaklah mengambil tanggungan untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan atau menerima pengurangan, kerja-kerja dan bayaran tambahan atau pengurangan hendaklah dibuat oleh Yang Dipertua atas asas 'pro-rata' berhubung dengan jumlah penambahan atau pengurangan kerja tersebut.

20. PENGAMBILAN PEKERJA-PEKERJA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI DILARANG

20.1 Bagi menjalankan kerja-kerja di bawah kontrak ini, Kontraktor adalah pada bila-bila masa **DILARANG MENGAMBIL BEKERJA MANA-MANA PEKERJA YANG SEDANG BEKERJA DENGAN MAJLIS SAMADA TETAP, SEMENTARA ATAU LAIN-LAIN.**

21. BILANGAN TAPAK/KELUASAN

21.1 Bilangan dan keluasan yang ternyata dalam kontrak ini hanyalah bilangan anggaran. Yang Dipertua mempunyai kuasa untuk menambah atau mengurangkan bilangan jumlah keluasan kawasan yang tersalah pengiraan atau yang difikirkan perlu diubah suai. Dasar pembayaran kepada Kontraktor adalah bergantung kepada keluasan yang diperakui dan dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

22. MAKLUMAT KERJA

22.1 Maklumat-maklumat berkaitan dengan kerja ini boleh didapati daripada:-

**JABATAN PELESENAN,
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI,
TINGKAT 1, JALAN PERDA UTAMA,
14000 BUKIT MERTA JAM.**

TEL. : 04-5497555 / 04-5497685 (WAKTU PEJABAT)
E-MAIL : pelesenan@mpsp.gov.my

23. MAKLUMAT TAMBAHAN KONTRAK/PESEBUTHARGA

23.1 Kontraktor dikehendaki mengisikan segala butir-butir yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN F** yang disertakan bersama spesifikasi ini dan dikembalikan semua sekali bersama dengan **BORANG SEBUTHARGA (LAMPIRAN D)**.

24. JADUAL KERJA DAN LAPORAN KERJA

24.1 Kontraktor mestilah menyediakan Jadual Kerja bagi tiap-tiap kawasan yang lengkap setiap bulan bagi semua kerja-kerja yang dijalankan. Laporan bulanan hendaklah dihantar ke Jabatan untuk menentukan prestasi kerja di kawasan-kawasan berkenaan. (Rujuk pada Syarat Am 1.13)

25. PENGALAMAN KERJA DAN PENYATA KEWANGAN

25.1 Kontrak Pembersihan yang telah dijalankan (**LAMPIRAN F**).

25.2 Kontrak Pembersihan yang masih dijalankan sekarang (**LAMPIRAN G**).

25.3 Maklumat-maklumat ini hendaklah merangkumi :-

- a) Nama dan alamat agensi Kerajaan/Swasta
- b) Tahun dan tempoh kerja
- c) Nilai kerja

25.4 Penyata kewangan syarikat untuk tiga (3) bulan terkini. (Bukti-bukti penyata daripada bank perlu dikemukakan).

26. Peralatan kerja dan mesin-mesin yang diperlukan untuk kontrak. (**LAMPIRAN H**)

27. PERINGATAN MUSTAHAK

Kontraktor hendaklah mengambil perhatian terhadap keperluan-keperluan berikut apabila mengisi jadual-jadual di **LAMPIRAN F** :-

27.1 KEGAGALAN MENGISI MAKLUMAT-MAKLUMAT DI DALAM BORANG BERKENAAN DENGAN SENDIRINYA MEMBATALKAN TAWARAN SEBUTHARGANYA.

27.2 Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, tuan bolehlah menggunakan kertas yang berasingan mengikut format yang disediakan.

27.3 Tiap-tiap format yang diisi dengan lengkap hendaklah ditandatangani sebagai pengesahan.

27.4 Sebarang tawaran yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi petender/penyebut harga yang akan menyebabkan tender/sebutarga tersebut ditolak dengan serta-merta.

1. SYARAT-SYARAT AM

- 1.1 Kerja-kerja yang tersebut di atas hendaklah dilakukan seperti yang diarahkan mengikut kehendak Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh beliau termasuk hari Ahad dan hari-hari Kelepasan Am lain.
- 1.2 Semua kerja-kerja pembersihan hendaklah dimulakan mulai jam 7.00 pagi dan diselesaikan pada jam 3.00 petang.
- 1.3 Kontraktor hendaklah memberikan perkhidmatan yang cekap dan sempurna kepada kawasan yang telah dikontrakkan kepadanya.
- 1.4 Kontraktor, di dalam apa cara sekali pun tidak dibenarkan menghentikan atau menyebabkan gangguan kepada perkhidmatan melainkan disebabkan oleh Bencana Alam atau Bencana Negara, misalnya Banjir Besar, Ribut Taufan Besar, Kebakaran Besar, Gempa Bumi. Kekacauan Negara dan lain-lain yang akan ditakrifkan oleh Majlis.
- 1.5 Kontraktor mestilah mempunyai pejabat dan telefon di Seberang Perai untuk kemudahan perhubungan dengan Majlis.
- 1.6 Kontraktor hendaklah mematuhi lain-lain arahan mengenai kerjanya dari Majlis dari semasa ke semasa.
- 1.7 Denda akan dikenakan sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan kerja atau memberi mutu kerja yang tidak memuaskan atau lain-lain kesalahan seperti yang ditetapkan di bawah **PENALTI (LAMPIRAN D)**.
- 1.8 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan para pekerja, pengawas, orang awam, peralatan dan harta Majlis, harta awam dan hendaklah sentiasa mengambil langkah-langkah keselamatan. Semua mesin pemotongan rumput yang digunakan hendaklah menggunakan pengadang keselamatan yang sesuai. Kontraktor hendaklah menggunakan operator atau pekerja mahir dalam pengendalian mesin rumput dan melengkapkan mereka dan alat-alat keselamatan seperti kasut keselamatan, cermin mata keselamatan dan sebagainya.
- 1.9 Pengarah Pelesenan atau pegawai yang diberi kuasa berhak untuk mengarahkan Kontraktor mengulangi pembersihan di kawasan-kawasan di mana mutu kerja didapati tidak memuaskan dan segala perbelanjaan tersebut hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.
- 1.10 Majlis berhak menamat kontrak ini dengan memberi satu (1) bulan notis kepada Kontraktor tanpa apa-apa pampasan kepada Kontraktor.

- 1.11 Kontraktor hendaklah menyediakan satu papan tanda maklumat kontrak (bersaiz 4 kaki x 3 kaki) di pasar yang mengandungi maklumat berikut :
- a) Nama Kontraktor
 - b) Alamat dan nombor telefon, dan e-mail pejabat
 - c) Tempoh kontrak
 - d) Waktu bekerja
 - e) Nama dan nombor telefon penyelia
- 1.12 Kontraktor hendaklah menyediakan senarai nama pekerja dan jadual kerja dipaparkan di luar tandas pasar. Sekiranya berlaku pertukaran pekerja, Kontraktor hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Majlis dalam masa tujuh (7) hari.
- 1.13 Kontraktor hendaklah menyediakan laporan pelaksanaan kerja, gambar (soft copy dan hard copy) dan hendaklah dihantar pada atau sebelum 3 haribulan bulan berikutnya.
- 1.14 Kontraktor hendaklah menyediakan kakitangan dan semua peralatan yang perlu untuk aktiviti gotong-royong sama ada yang diarahkan oleh Majlis ataupun yang dianjurkan oleh Persatuan Pasar dengan kebenaran Majlis.

PENALTI

1. Sebarang kegagalan atau perkhidmatan yang tidak mematuhi spesifikasi akan mengakibatkan Kontraktor dikenakan denda sepertimana yang dinyatakan dalam fasal penalti di bawah :-

- 1.1 Sekiranya Kontraktor gagal memberi perkhidmatan pada kerja-kerja seperti yang telah dijadualkan dan kerja tidak menepati mutu, denda adalah seperti berikut :-

<u>KERJA-KERJA HARIAN</u>		<u>DENDA</u>
a) Membersih parit / longkang	-	RM 10.00
b) Sapu lantai	-	RM 10.00
c) Cuci lantai	-	RM 10.00
d) Pungut sampah	-	RM 10.00
e) Membersih tandas	-	RM 20.00
f) Membersih depo sampah	-	RM 10.00
g) Membersih tempat letak kereta	-	RM 10.00

<u>KERJA-KERJA MINGGUAN</u>		<u>DENDA</u>
a) Menyelenggara landskap	-	RM 10.00
b) Pemetongan rumput	-	RM 10.00
c) Menyelenggara 'grease trap'	-	RM 10.00

<u>KERJA-KERJA BULANAN</u>		<u>DENDA</u>
a) Membersih siling	-	RM 10.00
b) Membersih kipas	-	RM 10.00
c) Membersih lampu	-	RM 10.00

- 1.2 Sekiranya Kontraktor TIDAK menjalankan kerja-kerja seperti perjanjian selama satu (1) bulan tanpa alasan munasabah maka kontrak ini secara automatik dianggap ditamatkan sendiri oleh Kontraktor dan Majlis akan merampas cagaran Kontraktor.

- 1.3 Sekiranya Kontraktor gagal menjalankan kerja-kerja seperti perjanjian dan telah dibuat pemotongan bayaran sebanyak 30 % dari jumlah harga kontrak dan tiga (3) kali dalam tempoh kontrak maka kontrak ini boleh ditamatkan oleh Majlis dan wang cagaran tidak dikembalikan.
- 1.4 Sekiranya Kontraktor gagal mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan dalam perjanjian, denda sebanyak RM100.00 boleh dikenakan untuk setiap syarat yang tidak patuhi.

BORANG SEBUTHARGA

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI.**

Saya/kami bertandatangan di sini. Setelah melawat tapak kontrak dan memahami dokumen-dokumen yang terkandung dalam kontrak ini, di sini menawarkan sejumlah harga untuk menjalankan perkhidmatan seperti berikut :-

1. KONTRAK PEMBERSIHAN PASAR

PAKEJ - RM - sebulan

RINGGIT MALAYSIA

.....

.....

2. Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga yang termurah atau mana-mana sebutharga. Majlis juga berhak memilih satu atau lebih sebutharga atau membahagikan sebutharga mengikut kawasan.

Kontraktor

Tandatangan Kontraktor :.....

Nama :.....

Jawatan Dalam Syarikat :.....

Nama & Cop Syarikat :.....

.....

.....

(HURUF BESAR)

Alamat Surat-Menyurat :.....

.....

.....

No. Telefon :.....

Saksi

Tandatangan :.....

Nama :.....

No. Kad Pengenalan :.....

Bertarikh :.....

LAMPIRAN E

PECAHAN KADAR HARGA

KONTRAK KERJA PEMBERSIHAN PASAR AWAM

Jadual adalah seperti berikut : PAKEJ 5

Bilangan pekerja yang diperlukan : 6 orang.

BIL	PASAR AWAM	BIL. UNIT RUANG NIAGA	KELUASAN KAWASAN (kaki persegi)	BIL. UNIT LAMPU	BIL. UNIT KIPAS	BIL UNIT TANDAS	JUMLAH SEBULAN (RM)
1.	Bukit Mertajam	328	74,250 k.p	206	43	6	
Jumlah dibawa ke Borang Sebutharga							

**Bilangan unit tandas dikira Bilangan WC

MAKLUMAT-MAKLUMAT TAMBAHAN PESEBUTHARGA

(A) KONTRAK PEMBERSIHAN YANG TELAH DILAKSANAKAN

	AGENSI YANG MENGAWAS PROJEK	NILAI KERJA	TEMPOH KERJA
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			

(Kepilkan salinan Surat Sebutarga/Tawaran Yang Berkenaan)

TANDATANGAN :

COP KONTRAKTOR :

BERTARIKH :

MAKLUMAT-MAKLUMAT TAMBAHAN PESEBUTHARGA

(B) KONTRAK PEMBERSIHAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN

	AGENSI YANG MENGAWAS PROJEK	NILAI KERJA	TEMPOH KERJA
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			

(Kepilkan salinan Surat Sebutharga/Tawaran Yang Berkenaan)

TANDATANGAN :

COP KONTRAKTOR :

BERTARIKH :

PERALATAN KERJA DAN MESIN**SENARAI PERALATAN DAN MESIN YANG AKAN DIGUNAKAN DALAM PERKHIDMATAN KEBERSIHAN (MENCUCI) BANGUNAN PASAR AWAM**

BIL	JENIS	JENAMA	KUANTITI	
			SEDIA ADA	AKAN DIBELI
1.	High Pressure Water Jet			
2.	Pencuci (detergent)			
3.	Pewangi Tandas			
4.	Tong sampah 120 liter, jenis beroda (8 unit)			

TANDATANGAN :

COP KONTRAKTOR :

BERTARIKH :